

董总呈民联执政四州州务大臣的教育建议书

董总向霹雳州政府提出的三项建议

a 建议对各源流学校提供土地以建设学校

本会建议霹雳州政府在城乡和土地用途规划方面实施一个包括各源流非营利性质的学校的学校规划和建设制度，以便每一个住宅区的学校保留地都可以用来建该地区居民所需要的学校，包括国民型华文小学以及非营利性质的华文独立中学。

为此，本会建议霹雳州政府检讨并修订州规划蓝图、地方发展蓝图以及学校规划指南。

b 建议减收学校地税

本会建议霹雳州政府将州内包括华文独立中学的各源流非营利性质学校的地税定为每一地契每年一令吉（RM1），同时所欠缴之地税也减至只需缴付每年一令吉（RM1）。

c 建议霹雳州政府每年为州内华文独立中学提供固定的拨款以协助它们的发展

本会建议霹雳州政府在每年的预算案中，为州内华文独立中学提供固定的拨款以协助它们购买器材和发展学校。

如果霹雳州政府能拨出一块足够的土地来发展和将其收入用来支付州内华文独立中学的开支，那将长久地解决这些学校的财务问题。

Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Perak

(a) Cadangan Mengenai Pengagihan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah

Persatuan kami mencadang supaya pihak kerajaan negeri Perak, dalam aspek perancangan bandar dan desa serta perancangan tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bersifat non-profit supaya tanah simpanan sekolah di setiap taman perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran sekolah yang diperlukan oleh penduduk di kawasan itu, termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah menengah persendirian Cina yang bersifat non-profit.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadang supaya pihak kerajaan negeri Perak mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/pelan struktur (structure plan), rancangan tempatan/pelan tempatan (local plan) dan garis panduan perancangan sekolah.

(b) Cadangan Pengurangan Cukai Tanah Sekolah di Negeri Perak

Persatuan kami berharap kadar cukai tanah yang dikenakan ke atas sekolah-sekolah semua aliran yang bersifat non-profit di negeri Perak, termasuk sekolah-

sekolah menengah persendirian Cina, dapat ditetapkan pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada juga dikurangkan juga kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setiap tahun sahaja.

(c) Cadangan Pemberian Peruntukan Kewangan Tahunan Untuk Membantu Pembangunan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Perak

Persatuan kami mencadang supaya dalam belanjawan tahunan, pihak kerajaan negeri Perak mengadakan sejumlah peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di negeri Perak untuk membantu mereka membeli kelengkapan dan membangunkan sekolah-sekolah ini.

Jika kerajaan negeri Perak boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan sekolah-sekolah menengah persendirian di negeri Perak, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.